

## Relationship Between Multiple Intelligence and Career Interest among Secondary School Students

Azriah Mohd Azmir<sup>1</sup>, Ku Suhaila Ku Johari <sup>2</sup>, Izwan Mahmud <sup>3</sup>  
[suhaila@ukm.edu.my](mailto:suhaila@ukm.edu.my)

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.<sup>123</sup>

**Abstract.** Intelligence is one ability to respond successfully to a new situation and the capacity to learn from one's past experiences. While interest is a strong motivation that drives actions and determined by personality factors. This study aims to observe the relationship between multiple intelligence and career interests among secondary students. It used correlation method to identify the relationship between multiple intelligence variables and career interests. All 77 Form Three students were involved in this study. The research instruments used were Multiple Intelligence Inventory and Career Interest Inventory. This data was analysed by using a Pearson statistical correlation type of SPSS Version 23. The finding of this study shows that there is a moderate and significant relationship between multiple intelligence and career interest. This finding also shows that the higher intelligence range, the more congruent personality patterns. This implies the tendency of personality patterns as a predictor of emotional intelligence. Further study is suggested to use an appropriate and structured intervention in research methodology.

**Keywords:** Multiple Intelligence, Career Interest.

### 1 Pendahuluan

Teori kecerdasan ini mengiktiraf kesemua kecerdasan yang terdapat pada individu, dan ia mempunyai kelebihan apabila diaplikasikan dalam pendidikan. Ini kerana kecerdasan pelbagai ini bertindak sebagai petunjuk kepada potensi murid. Setiap individu memiliki kesemua kecerdasan pelbagai. Kebanyakan individu boleh mengembangkan setiap kecerdasan ke tahap yang lebih tinggi melalui latihan dan keupayaan sendiri. Kesemua kecerdasan pelbagai berinteraksi antara satu sama lain secara serentak. Manakala, semua individu cerdas dalam bidangnya sendiri. Ada banyak cara belajar yang berkesan dan ia banyak bergantung kepada kecerdasan yang dimiliki individu. Kepintaran-kepintaran yang dikemukakan oleh Gardner adalah seperti berikut:

- i. Verbal Linguistik (Cerdas Perkataan)
- ii. Visual – Spatial (Cerdas Visual dan Ruang)
- iii. Logik Matematik (Pintar Nombor)
- iv. Muzik (Pintar Muzik)
- v. Naturalis (Pintar Alam Semulajadi)
- vi. Kinestatik – Jasmani (Pintar Jasmani)
- vii. vii Interpersonal (Pintar Sosial)

- viii. Intrapersonal (Pintar Kendiri)
- ix. Existential (Pintar Kewujudan)

Inventori Minat Kerjaya adalah berasaskan kepada Teori Tipologi Kerjaya Holland (1985). Teori ini mempunyai tiga keperluan komponen utama iaitu individu, persekitaran dan keserasian antara individu dan persekitaran. Pemilihan kerjaya seseorang individu adalah berdasarkan personaliti dan beberapa angkubah lain yang terdapat pada latar belakang pekerjaan itu (Holland, 1973). Asas yang digunakan dalam teori ini ialah:

- i. Pemilihan kerjaya adalah berdasarkan ekspresi personaliti individu di samping kesesuaian persekitaran pekerjaan
- ii. Minat seseorang itu lahir daripada personalitinya
- iii. Individu daripada jenis pekerjaan yang sama mempunyai persamaan dari segi pola personalitinya
- iv. Keselarasan antara personaliti dan persekitaran akan meningkatkan prestasi kerja, pencapaian, kestabilan dan kepuasan kerja

Teori Tipologi Kerjaya Holland (1996) mengutarakan empat andaian iaitu:

- i. Semua individu boleh dikategorikan dalam salah satu daripada enam jenis personaliti iaitu Realistik (R) , Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E) dan Konvensional (K). Setiap personaliti terhasil daripada ciri-ciri interaksi antara pelbagai kebudayaan, keturunan dan desakan individu termasuklah rakan sebaya, kelas sosial, budaya dan persekitaran fizikal. Situasi yang demikian akan menimbulkan minat di kalangan individu.
- ii. Terdapat enam jenis persekitaran pekerjaan yang menyokong personaliti individu dan didominasi oleh jenis personaliti tertentu iaitu Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E) dan Konvensional (K). Ringkasan bagi enam jenis persekitaran pekerjaan ini ialah RIASEK.
- iii. Individu akan mencari persekitaran atau pekerjaan yang selaras dengan personaliti yang membolehkan mereka menunjukkan kemahiran dan kebolehan serta melahirkan sikap dan nilai. Individu akan berasa puas sekiranya dapat menyesuaikan diri dalam persekitaran berkenaan. Misalnya, individu yang mempunyai personaliti realistik akan berasa puas sekiranya dapat bekerja dalam persekitaran realistik juga.
- iv. Tingkah laku seseorang individu boleh ditentukan melalui interaksi antara personaliti dan kriteria-kriteria persekitarannya. Sekiranya kita mengetahui tentang pola personaliti dan persekitarannya secara tidak langsung kita akan dapat meramal beberapa perkara berkaitan pemilihan kerjaya, pencapaian kerjaya, kompetensi, tingkah laku pendidikan dan sosial serta pertukaran pekerjaan.

Menurut Holland (1985), kepuasan dalam pemilihan sesuatu pekerjaan adalah mengikut kesukaan orientasi peribadinya sendiri. Ini bermakna kepuasan dalam pekerjaan akan tercapai apabila individu memilih kerjaya selaras dengan personaliti dan persekitarannya. Kepuasan akan tercapai apabila seseorang individu itu mewujudkan satu orientasi pekerjaan yang kukuh. Sekiranya orientasi pekerjaan yang dibina berbelah-bahagi kemungkinan kepuasan yang dicapainya akan berkurangan.

## Kecerdasan Pelbagai

Mohd Kashfi Mohd Jailani, Rosseni Din, Siti Rahayah Ariffin, Muhammad Amirul Abdullah, Norliza Ghazali, Ida Kamalawati Abu Bakar, Shah Nazim Shahar (2013) telah menjalankan kajian Kecerdasan Pelbagai (MI) dan Gaya Pembelajaran (LeS) Dalam Kalangan Murid Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam. Dapatkan kajian menunjukkan skor min tertinggi bagi kecerdasan pelbagai dicatatkan pada gugusan Sains Sosial untuk domain kerohanian, manakala skor min yang terendah dicatatkan pada gugusan Sains Kesihatan bagi domain visual ruang. Bagi gaya pembelajaran pula, gugusan Sains Sosial menunjukkan skor min tertinggi dalam gaya pembelajaran kolaboratif, manakala skor min terendah ialah gaya pembelajaran mengelak.

Dalam kajian Kolerasi antara Kecerdasan Pelbagai dengan kemahiran Membaca Bahasa Inggeris dalam Kalangan Murid Pentadbiran Perniagaan Universiti Teknologi MARA oleh Nuramirah Zaini, Norizan Abdul Razak (2013) menunjukkan perkaitan yang signifikan antara Kecerdasan Visual-Spatial dengan prestasi murid Pengurusan Perniagaan terutama dalam kefahaman bacaan dan dalam format teks bukan linear. Selain itu, terdapat perkaitan yang signifikan antara Kecerdasan dengan teks linear.

Wahyudi (2016) Kajian Kecerdasan Vokasional Dari Persepsi Murid Sekolah Menengah Teknik: Satu Kajian Kes Di Negeri Perak Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan mengenai kecerdasan vokasional berdasarkan faktor demografi kecuali tahap pendidikan ibu bapa responden. Hasil analisis kolerasi Pearson pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat di antara kecenderungan realistik dengan kecekapan realistik serta kecenderungan artistik dengan kecekapan artistik.

Kajian Faktor Kecerdasan Pelbagai Dalam Pembentukan Profil Remaja oleh Siti Rahayah Ariffin, Roseni Ariffin, Arbaiyah Md Zin, Nik Noralhuda Nik Mohamed (2011) Kajian ini bertujuan mengenal pasti sumbangan faktor-faktor kecerdasan pelbagai (KP) terhadap lapan kecerdasan pelbagai yang dipelopori oleh Gardner. Kajian ini juga bertujuan meninjau perbezaan faktor-faktor kecerdasan pelbagai berdasarkan jantina, bangsa, kategori sekolah, aliran dan SES (Social Economic Status) Implikasi kajian menunjukkan guru dan pentadbir sekolah perlu peka terhadap kecerdasan pelbagai yang berbeza bagi setiap individu murid. Guru seharusnya menggunakan sepenuhnya kemudahan prasarana sekolah untuk mencungkil kecerdasan ini bagi memaksimumkan prestasi murid.

## Minat Kerjaya

Beberapa kajian membincangkan kajian lepas yang menjadi perkaitan utama dalam kajian ini. Kajian mengenai Teori Pemilihan Kerjaya Holland telah banyak dijalankan. Ada kajian-kajian yang menyokong teori tersebut dan begitu juga sebaliknya. Di antara kajian-kajian yang menyokong adalah Wall, Osipow dan Ashby (L967), dan Jones (1973). Mengikut kajian yang telah dibuat oleh Monroe dan Thomas (1981) ke 158 orang murid lelaki dengan menggunakan kaedah Vocational Preference Inventory (VPI), permasalahan tersebut adalah berhubung dengan bidang kejuruteraan yang mana murid-murid yang berorientasikan kepada Personaliti Investigatif dan Realistik mempunyai minat dan kebolehan terhadap bidang tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa jenis personaliti Investigatif dan Realistik memberi sokongan yang tinggi dalam bidang kejuruteraan.

Di Malaysia pengkajian berhubung dengan keselarasan kerjaya telah banyak dijelaskan. Antaranya ialah kajian oleh Mohd. Amin (1987) telah membuat kajian dalam kalangan murid-murid sekolah asrama penuh dan sekolah menengah biasa. Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa signifikan di antara jenis personaliti dengan pemilihan di kalangan semua murid. Manakala dari segi jantina, tidak mempunyai hubungan yang signifikan iaitu terdapat perbezaan pemilihan yang signifikan di kalangan murid-murid lelaki dan perempuan.

Nazmi Md. Noor (1991) telah menjalankan kajiannya terhadap murid Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dan Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian). Kajian menunjukkan terdapat keselarasan yang signifikan antara pola personaliti dengan bidang pengajian yang diikuti dengan Indeks Keselarasan (IK) masing-masing bernilai 8 dan 6. Selain itu, kajian beliau juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam pola personaliti antara murid lelaki dan perempuan.

Kajian yang telah dijalankan oleh Ang Hwi Lin (1981) ke atas 86 orang murid Tahun 1, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan menggunakan kaedah Rothwell-Niller Interesr Blank (RMIB) dan California Psychological Inventory (CPI). Kajian ini memperlihatkan bahawa hubungan di antara minat kerjaya dan personaliti secara keseluruhannya adalah tidak signifikan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa murid-murid yang mempunyai personaliti Investigatif, Sosial dan Konvensional. Walau bagaimanapun murid-murid yang tergolong dalam personaliti Enterprising dan Realistik menunjukkan hubungan yang signifikan dalam pemilihan kerjaya. Perbezaan pemilihan dalam kalangan lelaki dan perempuan juga diperolehi.

## 2 Metode

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian korelasi untuk mengukur hubungan antara boleh ubah lecerdasan pelbagai dan minat kerjaya. Kajian kuantitatif biasanya tertumpu kepada kajian hubungan dan interaksi antara boleh ubah. Ia juga memfokuskan kajian yang memudahkan kefahaman terhadap perkara atau situasi yang kompleks melalui kaedah saintifik (Mok Soon Sang, 2010). Chua Yan Piaw (2006), menyatakan kajian tinjauan dapat mengumpul jawapan yang terus dari subjek kajian. Kaedah ini boleh digunakan untuk membuat ramalan tentang isu masyarakat semasa yang timbul. Oleh yang demikian, kaedah tinjauan dijalankan untuk mengenalpasti hubungan antara kecerdasan pelbagai dengan minat kerjaya murid. Kaedah ini dilihat dapat membantu pengkaji kerana keupayaan hasil kajian untuk digeneralisasikan kepada populasi dengan tepat dan berkesan. Populasi kajian ini adalah seramai 424 orang murid iaitu seramai 198 orang murid lelaki dan 226 orang murid perempuan di SMK Dato Undang Syed Ali Al Jufri, Jelebu. Murid yang terlibat adalah dalam lingkungan umur 15 - 16 tahun. Pengkaji telah memilih Persampelan dengan menggunakan kaedah persampelan secara rawak dan pengkaji bersetuju untuk memilih kaedah persampelan rawak berstrata iaitu pemilihan responden yang bersifat seragam. Sampel dipilih secara rawak mudah dari keseluruhan jumlah murid. Jadual 1 menunjukkan sampel yang dikumpul adalah seramai 77 orang merangkumi semua murid Tingkatan 3 di sekolah yang dikaji. Menurut Mohd Majid Konting (1990), saiz sampel adalah tidak penting, apa yang penting adalah persampelan mestilah dilakukan secara berkesan supaya boleh mewakili populasi.

**Jadual 1: Taburan Subjek Kajian Mengikut Jantina**

Sekolah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
SMKDUSAJ	34	43	77

**Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKP) dan Inventori Minat Kerjaya (IMK) dibangunkan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai instrumen kajian. IMK dan IKP digunakan untuk tujuan mengumpul segala maklumat mengenai kecerdasan pelbagai dan minat kerjaya.

**Inventori Kecerdasan Pelbagai**

Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan atau mengumpul maklumat mengenai murid ialah Instrumen Kecerdasan Pelbagai (IKP). Instrumen ini dibangunkan berdasarkan teori Kecerdasan Pelbagai (MI) oleh Howard Gardner (1985) dan Smith dan Smith (2002). Instrumen ini terdiri daripada Kertas 1 dan Kertas 2. Kertas 1 mengandungi Bahagian A iaitu 20 item menguji Verbal Linguistik Bahasa Melayu (30 minit) dan 20 item menguji Verbal Linguistik Bahasa Inggeris (30 minit). Sementara Bahagian B mempunyai 20 item menguji Logik-Matematik (30 minit) 10 item menguji Visual-Ruang (20 minit). Murid dikehendaki menjawab di atas borang jawapan yang diberi dengan melorek pada pilihan jawapan yang tepat.

Kertas 2 mengandungi: 130 item persepsi yang mewakili konstruk Visual-Ruang, Muzik, Naturalis, Intrapersonal, Interpersonal, Kinestatik dan Eksistensial. Murid perlu menjawab YA atau TIDAK pada pernyataan mengenai diri mereka. Masa yang diperuntukan adalah 45 minit.

Interpretasi skor yang diperoleh daripada murid berkaitan dengan tahap persetujuan untuk sesuatu pernyataan kecerdasan tertera dalam Jadual 3.29. Norma yang selalu digunakan dapat menjelaskan kedudukan sesuatu skor itu berbanding dengan skor yang lain (Tuckman 1999). Berdasarkan norma piawai, skor 50% dianggap skor min, manakala skor 75% ke atas dianggap terletak dalam kuartil tertinggi (Gay & Airasian 2003). Dengan itu, interpretasi bagi peratus dibuat seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1 : Interpretasi Skor Peratusan**

**Skor Peratusan Interpretasi Skor**

**75% hingga 100%**

**50% hingga 74 %**

---

**0 hingga 49 peratus**

---

Sumber : Alias Baba (1999), Tuckman (1999) dan Gay & Airasian (2003) dalam Mohd Sani Ismail (2009).

### **Inventori Minat Kerjaya**

Instrumen Inventori Minat Kerjaya (IMK) telah dibangunkan oleh Lembaga Peperiksaan berdasarkan Inventori Minat Kerjaya (KPM, 2012b). Beberapa penambahbaikan telah dilakukan dengan menggunakan grafik dan penerangan untuk meningkatkan kefahaman murid terhadap maklumat yang hendak disampaikan. Komponen baharu yang ditambahkan untuk inventori ini ialah kecekapan pada Bahagian C. IMK Tingkatan 3 mempunyai tiga bahagian iaitu Bahagian A: Kesukaan, Bahagian B: Pekerjaan, Bahagian C: Kecekapan.

Instrumen IMK mengandungi 6 konstruk iaitu Realistik (r), Investigatif (i), Artistik (a), Sosial (s), Enterprising (e) dan Konvensional (k). Setiap konstruk mempunyai 30 item dan jumlah item ialah 180. IMK perlu diselesaikan dalam masa 30 hingga 40 minit. Pentadbiran inventori ini dilaksanakan dalam bilik yang kondusif dan lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas seperti kerusi dan meja. Segala arahan perlu diikuti dan dipatuhi oleh murid yang mengambil ujian.

### **Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen**

Menurut Sidek (2005), sesuatu alat ukur itu diakatan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya seseorang individu itu mempunyai skor yang sama dengan menjawab alat ukur yang sama pada masa berbeza. Mejia, Balkin dan Cardy (1998) dalam Sidek (2005), telah mendefinisikan kebolehpercayaan sebagai konsistensi pengukuran. Manakala Mohd Majid (1990) dalam Sidek (2005), mentafsirkan kesahan sesuatu alat ukur itu merujuk kepada sejauh mana sesuatu alat ukuran itu mengukur data yang sepatutnya diukur.

Bagi Inventori Minat Kerjaya (IMK) ini telah diakui kesahannya dan mempunyai kebolehpercayaan yang sangat tinggi iaitu nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach  $>0.8$ . Oleh yang demikian, kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi menunjukkan kedua-dua inventori ini sesuai digunakan dalam kajian ini. Seperti yang dinyatakan oleh Sidek (2005), berdasarkan pandangan pakar pengujian dan pengukuran dari dalam dan luar negara, nilai pekali kebolehpercayaan alat ukur yang terendah yang boleh digunakan adalah .50 dan yang tertinggi adalah .90.

Item Instrumen Kecerdasan Pelbagai (IKP) ini telah dipraujukan kepada murid Tingkatan 3 di sekolah menengah di Malaysia dan menggunakan kaedah persampelan berstrata. Sekolah-sekolah sampel terdiri daripada sekolah menengah di bandar, pinggir bandar, luar bandar juga yang berprestasi tinggi, berprestasi sederhana dan berprestasi rendah. Pemilihan murid sebagai responden juga mengambil kira jantina, kaum dan prestasi. Data telah dianalisis untuk mendapatkan indeks kebolehpercayaan iaitu KR-20 dan kesahan item iaitu Mean fit square (MNSQ)

### 3 Hasil dan Pembahasan

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan di antara kecerdasan pelbagai dengan setiap konstruk minat kerjaya. Terdapat 5 konstruk kecerdasan pelbagai mempunyai hubungan yang signifikan positif dengan konstruk realistik minat kerjaya iaitu hubungan signifikan positif antara visual ruang dengan realistik ( $r = .425$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa minat kerjaya realistik memerlukan kecerdasan visual ruang. Selain itu, terdapat hubungan signifikan positif antara naturalis dengan realistik ( $r = .366$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa minat kerjaya realistik memerlukan kecerdasan naturalis. Hubungan yang signifikan positif antara kinestatik dengan realistik ( $r = .436$ ,  $p < .05$ ). Ini jelas menunjukkan bahawa minat kerjaya realistik memerlukan kecerdasan kinestatik. Terdapat hubungan signifikan positif antara interpersonal dengan realistik ( $r = .290$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa minat kerjaya realistik memerlukan interpersonal. Hubungan yang signifikan positif antara intrapersonal dengan realistik ( $r = .425$ ,  $p < .05$ ), ini menunjukkan bahawa minat kerjaya realistik memerlukan intrapersonal.

Konstruk investigatif bagi minat kerjaya turut menunjukkan hubungan yang signifikan dengan 4 konstruk Inventori Kecerdasan Pelbagai iaitu hubungan signifikan positif antara visual ruang dengan investigatif ( $r = .262$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa minat kerjaya investigatif memerlukan kecerdasan visual ruang. Terdapat hubungan signifikan positif antara naturalis dengan investigatif ( $r = .420$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa minat kerjaya investigatif memerlukan naturalis. Terdapat juga hubungan signifikan positif antara interpersonal dengan investigatif ( $r = .358$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa minat kerjaya investigatif memerlukan interpersonal. Selain itu, terdapat hubungan signifikan positif antara intrapersonal dengan investigatif ( $r = .379$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa minat kerjaya investigatif memerlukan intrapersonal.

Terdapat satu sahaja konstruk yang mempunyai hubungan yang signifikan positif dengan konstruk artistik iaitu muzik ( $r = .425$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa minat kerjaya artistik memerlukan muzik.

Bagi konstruk sosial minat kerjaya, terdapat hubungan signifikan positif antara naturalis dengan sosial ( $r = .376$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa minat kerjaya sosial memerlukan naturalis. Hubungan signifikan positif antara kinestatik dengan sosial ( $r = .322$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa minat kerjaya sosial memerlukan kecerdasan kinestatik. Terdapat hubungan signifikan positif antara interpersonal dengan sosial ( $r = .388$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa minat kerjaya sosial memerlukan interpersonal. Selain itu terdapat hubungan signifikan positif antara intrapersonal dengan sosial ( $r = .367$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa minat kerjaya sosial memerlukan kecerdasan visual ruang. Hubungan yang signifikan positif antara eksistential dengan sosial ( $r = .314$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa minat kerjaya sosial memerlukan eksistential.

Konstruk enterprising minat kerjaya juga terdapat hubungan signifikan positif iaitu antara naturalis dengan enterprising ( $r = .259$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa minat kerjaya enterprising memerlukan naturalis. Selain itu, terdapat hubungan signifikan positif antara kinestatik dengan enterprising ( $r = .336$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa minat kerjaya enterprising memerlukan kecerdasan visual ruang. Terdapat hubungan signifikan positif antara interpersonal dengan enterprising ( $r = .266$ ,  $p < .05$ ). Dapatan ini menunjukkan

bahawa minat kerjaya enterprising memerlukan kecerdasan visual ruang. Hubungan signifikan positif antara intrapersonal dengan enterprising ( $r = .277$ ,  $p < .05$ ). Dapatkan ini menunjukkan bahawa minat kerjaya enterprising memerlukan intrapersonal.

Selain itu, dapatkan juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan positif antara personaliti konvensional dengan naturalis ( $r = .250$ ,  $p < .05$ ). Terdapat juga hubungan signifikan positif antara intrapersonal dengan konvensional ( $r = .277$ ,  $p < .05$ ). Dapatkan ini menunjukkan bahawa minat kerjaya konvensional memerlukan kecerdasan naturalis dan intrapersonal.

<b>KECERDASAN PELBAGAI</b>	<b>MINAT KERJAYA</b>					
	<b>Realistik</b>	<b>Investigatif</b>	<b>Artistik</b>	<b>Sosial</b>	<b>Enterprising</b>	<b>Konvensional</b>
Verbal Linguistik	.009	.150	-.054	.111	.063	.017
Logik Matematik	-.003	.173	-.175	-.142	.048	.085
Visual Ruang	.425**	.262*	.207	.156	.209	.168
Muzik	.196	.188	.252*	.109	.029	-.205
Naturalis	.366**	.420**	.180	.376**	.259*	.250*
Kinestatik	.436**	.099	.204	.322**	.336**	.152
Interpersonal	.290*	.358**	.170	.388**	.266*	.206
Intrapersonal	.229*	.379**	.133	.367**	.277*	.277*
Eksistensial	.142	.169	.055	.314**	.125	.120

Personaliti realistik (r) memperlihatkan seseorang individu mempunyai ciri-ciri seperti tidak sosial, natural, praktikal dan fleksibel. Ciri-ciri ini sesuai dengan persekitaran pekerjaan seperti mekanik, jurutera dan lain-lain (Holland, 1985). Dalam erti kata lain, personaliti realistik (r) akan memilih pekerjaan yang berorientasikan objek dan bukannya berorientasi manusia (Amla Salleh, 2010; dan Sidek Noah, 2002). Dalam kajian ini mendapati mereka yang mempunyai personaliti realistik (r) mempunyai hubungan dengan kecerdasan visual ruang, naturalis, kinestatik, interpersonal dan intrapersonal. Misalnya, kecerdasan visual ruang memerlukan seseorang itu, berkeupayaan dalam melakukan kerja-kerja teknikal seperti dalam personaliti realistik (r). Begitu juga dengan kecerdasan kinestatik yang menggunakan psikomotor kasar atau halus diperlukan untuk meningkatkan kemahiran dalam persekitaran kerjaya realistik (r). Dapatkan ini menggambarkan untuk mengukuhkan ciri-ciri personaliti realistik (r) memerlukan seseorang meningkatkan kecerdasan dalam visual ruang, naturalis, kinestatik, interpersonal dan intrapersonal. Dan ini sekaligus, akan menghasilkan personaliti kerjaya yang tekal dan kongruen dengan persekitaran kerjaya serta menyumbang kepada kepuasan kerjaya (Holland, 1996; Savickas, xxxx). Personaliti investigatif (i) menunjukkan seseorang individu mempunyai ciri-ciri seperti penelitian yang tinggi dan peka dengan persekitaran serta berkebolehan untuk membuat penilaian kendiri. Ciri-ciri ini sesuai dengan persekitaran pekerjaan seperti ahli saintis, ahli forensik dan lain-lain ( Holland, 1985). Dalam erti kata lain, personaliti investigatif (i) akan memilih pekerjaan yang berteraskan persekitaran pekerjaan yang memerlukan kemahiran menyelidik, saintifik, intelektual, analitikal dan mementingkan ketepatan. Suka membuat pemerhatian, mempelajari sesuatu, membuat penyelidikan, menganalisis, menilai dan menyelesaikan masalah (Amla Salleh, 2010; dan Sidek Noah, 2002). Dalam kajian ini mendapati mereka yang mempunyai personaliti investigatif (i) mempunyai hubungan dengan kecerdasan visual ruang, naturalis dan intrapersonal. Kecerdasan visual ruang memerlukan seseorang itu berkebolehan untuk berfikir secara gambaran, imej, bentuk untuk membentuk model secara visual dan mengaplikasi model itu kepada dunia fizikal yang sangat bersesuaian dengan personaliti investigatif (i).

Kecerdasan naturalis memperlihatkan seseorang yang sensitif terhadap alam sekitar dan dapat menghubungkaitkan antara kehidupan mampu meningkatkan personaliti investigatif (i). Kecerdasan intrapersonal yang menggunakan kesedaran diri yang tinggi tentang kebolehan memantau pemikiran, tindakan dan perasaan sangat membantu dalam pembentukan personaliti investigatif (i) Dapatkan ini mengambarkan untuk mengukuhkan ciri-ciri personalitiinvestigatif (i) memerlukan seseorang meningkatkan kecerdasan dalam visual ruang, naturalis dan intrapersonal.

Personaliti artistik (a) menunjukkan seseorang individu mempunyai ciri-ciri seorang yang kreatif dan mempunyai apresiasi yang tinggi dan menghargai hasil seni kreatif Persekutaran pekerjaan yang memerlukan daya intuisi yang tinggi, ekspresif, kurang berstruktur, tidak rutin dan tidak berulang-ulang. Ciri-ciri ini sesuai dengan pekerjaan penulis seni kreatif, juruhias dalam dan lain-lain. Dapatkan kajian ini menunjukkan personaliti artistik (a) mempunyai hubungan yang positif dengan kecerdasan pelbagai muzik. Kecerdasan muzik memerlukan kebolehan untuk berfikir dalam bentuk muzikal, mendengar dan mengecam paten serta sensitif dengan bunyi di persekitaran. Dapatkan ini mengambarkan untuk mengukuhkan ciri-ciri personalitiartistik (a) memerlukan seseorang meningkatkan kecerdasan dalam muzik.

Personaliti sosial (s) menunjukkan seseorang individu mempunyai ciri-ciri seseorang yang mempunyai kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang lain, suka membantu, memberikan perkhidmatan dan menyelesaikan masalah sosial. Persekutaran pekerjaan yang memerlukan interaksi kerjasama, kolaborasi, saling membantu, melatih dan membuat kebijakan kepada orang lain. Ciri-ciri sesuai dengan pekerjaan guru, kaunselor, jururawat dan sebagainya. Dapatkan kajian ini menunjukkan personaliti sosial (s) mempunyai hubungan yang positif dengan kecerdasan pelbagai naturalis, kinestatik, interpersonal, intrapersonal, visual ruang dan eksistensial. Kecerdasan naturalis memperlihatkan seseorang yang sensitif terhadap alam sekitar dan dapat menghubungkaitkan antara kehidupan mampu meningkatkan personaliti sosial (s) Kecerdasan kinestatik adalah kebolehan menggunakan sebahagian atau keseluruhan anggota tubuh badan untuk berkomunikasi dan menyelesaikan masalah sangat mempunyai hubungan positif dalam memantapkan personaliti sosial (s) Kecerdasan interpersonal melibatkan kemahiran seseorang berkomunikasi, menjalin hubungan dan membina kepercayaan dengan orang lain. Kecerdasan intrapersonal yang menggunakan kesedaran diri yang tinggi tentang kebolehan memantau pemikiran, tindakan dan perasaan sangat membantu dalam pembentukan personaliti sosial (s) Kecerdasan visual ruang memerlukan seseorang itu berkebolehan untuk berfikir secara gambaran, imej, bentuk untuk membentuk model secara visual dan mengaplikasi model itu kepada dunia fizikal yang sangat bersesuaian dengan personaliti sosial (s) Kecerdasan eksistensial adalah keupayaan seseorang untuk memahami dan menimbang tara perkara-perkara berunsur falsafah yang berkaitan dengan kewujudan tuhan dan fitrah kehidupan. Dapatkan ini mengambarkan untuk mengukuhkan ciri-ciri personaliti sosial (s) memerlukan seseorang meningkatkan kecerdasan dalam naturalis, kinestatik, interpersonal, intrapersonal, visual ruang dan eksistensial

Personaliti enterprising (e) menunjukkan seseorang individu mempunyai ciri-ciri mudah mesra, optimistik, memimpin dan mengurus individu lain serta menjual barang atau idea. Persekutaran pekerjaan yang melibatkan pentadbiran dan pengurusan, perniagaan dan keusahawanan. Pekerjaan yang sesuai adalah pengurus, usahawan dan sebagainya. Dapatkan kajian menunjukkan kecerdasan naturalis memperlihatkan seseorang yang sensitif terhadap alam sekitar dan dapat menghubungkaitkan antara kehidupan mampu meningkatkan

personaliti enterprising (e). Kecerdasan kinestatik adalah kebolehan menggunakan sebahagian atau keseluruhan anggota tubuh badan untuk berkomunikasi dan menyelesaikan masalah sangat mempunyai hubungan positif dalam memantapkan personaliti enterprising (e). Kecerdasan interpersonal melibatkan kemahiran seseorang berkomunikasi, menjalin hubungan dan membina kepercayaan dengan orang lain diperlukan dalam personaliti enterprising (e). Kecerdasan visual ruang memerlukan seseorang itu berkebolehan untuk berfikir secara gambaran, imej, bentuk untuk membentuk model secara visual dan mengaplikasi model itu kepada dunia fizikal yang sangat bersesuaian dengan personality enterprising (e) . Kecerdasan intrapersonal yang menggunakan kesedaran diri yang tinggi tentang kebolehan memantau pemikiran, tindakan dan perasaan sangat membantu dalam pembentukan personaliti enterprising (e) Dapatkan ini jelas menggambarkan untuk mengukuhkan ciri-ciri personaliti enterprising (e) seseorang perlu meningkatkan kecerdasan dalam, naturalis, kinestatik, interpersonal, visual ruang dan intrapersonal. Ianya akan dapat menghasilkan personaliti kerjaya yang tekal dan kongruen dengan persekitaran kerjaya serta menyumbang kepada kepuasan kerjaya (Holland, 1996; Savickas, xxxx).

Personaliti konvensional (k) menunjukkan persoaliti seseorang yang berstruktur, teliti, mengikut aturan dan daya tahan yang tinggi. Persekutaran pekerjaan berstruktur dan teratur yang melibatkan data, nombor dan kerja-kerja perkeranian secara terperinci.

Dapatkan kajian menunjukkan personaliti konvensional (k) mempunyai hubungan yang positif dengan kecerdasan naturalis dan intrapersonal. Kecerdasan naturalis memperlihatkan seseorang yang sensitif terhadap alam sekitar dan dapat menghubungkaitkan antara kehidupan mampu meningkatkan personaliti konvensional (k). Kecerdasan intrapersonal yang menggunakan kesedaran diri yang tinggi tentang kebolehan memantau pemikiran, tindakan dan perasaan sangat membantu dalam pembentukan personaliti konvensional (k). Dapatkan jelas memperlihatkan kecerdasan naturalis dan intrapersonal perlu dipertingkatkan bagi mengukuhkan personaliti konvensional (k).

Setiap individu mempunyai semua jenis kecerdasan tetapi pada darjah atau kadar kekuatan dan kemahiran yang berbeza-beza. Kecerdasan- kecerdasan ini boleh dikembangkan menerusi pendidikan, pengalaman dan persekitaran. Pemilihan bidang pendidikan dan kerjaya semakin rumit disebabkan terdapatnya pelbagai kebolehan manusia. Di samping itu, kemajuan yang semakin pesat yang dialami oleh negara telah menyebabkan bidang pengkhususan pekerjaan dan pendidikan turut berkembang. Pertumbuhan bidang pengkhususan ini sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh sistem ekonomi negara yang semakin kompleks. Masalah pemilihan kerjaya merupakan masalah paling besar yang sering dikemukakan oleh para remaja. Masalah utama berlakunya kesukaran membuat pemilihan kerjaya dalam kalangan murid dan remaja ialah tidak boleh membuat keputusan, ketidak sempurnaan bila membuat pilihan serta kekurangan pengetahuan dan maklumat tentang pekerjaan dan kerjaya. Proses membimbing murid-murid ke arah matlamat yang benar-benar sesuai dengan minat, nilai, personaliti dan kebolehan adalah rumit, mencabar dan memerlukan masa yang panjang.

Secara umumnya dapat dilihat hubungan kecerdasan pelbagai dan minat kerjaya tidak menyeluruh kepada semua konstruk kecerdasan pelbagai namun ianya memperlihatkan hubungan yang sangat jelas melalui konstruk minat kerjaya. Setiap konstruk minat kerjaya mempunyai hubungan yang positif sekurang-kurangnya satu konstruk kecerdasan pelbagai. Hasil dapatan kajian ini boleh digunakan untuk dirangka program intervensi bagi

mengukuhkan keperluan di antara kecerdasan pelbagai dan minat kerjaya agar ianya benar-benar dapat membantu murid terutama murid Tingkatan 3 sebelum memilih aliran di Tingkatan 4. Keputusan individu dalam memilih sesuatu aliran pengajian atau pekerjaan boleh jadi tepat dan boleh jadi berkemungkinan juga tidak tepat bergantung kepada kemahiran murid ketika itu serta bimbingan yang diperolehi sebelum membuat keputusan. Namun, walaupun pilihan atau keputusan yang di ambil oleh murid, sistem pemilihan yang berkesan yang diamalkan oleh sebuah sekolah sepatutnya dapat mengenal pasti calon murid yang yang sesuai dengan aliran yang diikutinya. Sistem pemilihan yang berkesan sepatutnya hanya menerima calon-calon yang sesuai dan menolak atau menyalurkan calon-calon yang tidak sesuai semula kepada aliran pengajian lain yang lebih sesuai dengan minat dan pilihan murid bukan semata-mata hanya berdasarkan keputusan PT3 murid tersebut.

Kecerdasan linguistik dan matematik di lihat tidak menunjukkan sebarang hubungan konstruk minat kerjaya. Adakah ianya berkait rapat dengan kesediaan sampel menjawab soalan? Adakah kecerdasan linguistik dan matematik bukan suatu keperluan dalam pemilihan minat kerjaya?

## References

- [1] Amla Mohad. Salleh. 2007. Pendidikan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor.
- [2] Binet. 1905. dalam Wolf, T.H. 1969., The emergence of Binet's conception and measurement of intelligence: a case history of the creative process, Journal of the history of the behavioral sciences (Apr 1969) 5 (2): 113–34.
- [3] Gardner, H. 1993. Frame Of Mind: The theory of multiple intelligences. New York, NY: Basic Book.
- [4] Gardner, H. 1983. Frames of Mind. New York: Basic Books Inc.
- [5] Gardner, H. 1999. Intelligence Reframed.USA: Basic Books.
- [6] Holland, J.L. 1996. Making Vocational Choice: A Theory of Vocational Personality and Work Environment. Edessa, Florida: Psychological Assessment Resources.
- [7] Holland,J.L. 1973. Making Vocational Choice: A Theory of Career. Englewood Cliff, New Jersey: Prentice Hall Inc.
- [8] Holland,J.L. 1985. Manual for the Vocational Preference Inventory. Odessa, Florida:
- [9] Psychological Assessment Resources.
- [10] Iskandar Rohaty Mohd. Majzub Zuria Mahmud. 2009. Kecerdasan Emosi dan Komitmen Pekerjaan dalam Kalangan Pensyarah Universiti di Indonesia.Jurnal Pendidikan Malaysia 34(1)(2009): 173 – 186
- [11] Kamus Dewan. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [12] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. Manual Pentaksiran Psikometrik. Lembaga Peperiksaan.
- [13] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. Inventori Minat Kerjaya. Lembaga Peperiksaan.
- [14] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia –2013 2025.
- [15] Meers, G., & Wiseman, K. 2002. Designed successful learning. The Science Teacher, 69(8), 29-31.
- [16] Mohd Kashfi b. Mohd Jailani, Siti Rahayah Ariffin, Rosseni Din, Bishanani Omar & Sarimah Mokhtar. 2001.Kecerdasan Pelbagai Dalam Kalangan MuridUniversiti Awam Malaysia Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- [18] Nuramirah Zaini, Norizan Abdul Razak. 2013. The Correlation between Multiple Intelligence

- [19] Scores and English Language Reading Skill among Business Management Students. Prosiding Simposium Kebudayaan–Indonesia Malaysia, Volume 13. Universiti Kebangsaan Malaysia
- [20] Sidek Mohd Noah.2002. Perkembangan Kerjaya: Teori dan Praktis. Universiti Putra
- [21] Malaysia, Serdang, Selangor Darul Ehsan.
- [22] Siti Rahayah Ariffin Roseni Ariffin Arbaiyah Md Zin Nik Noralhuda Nik Mohamed. 2011.
- [23] Kajian Faktor Kecerdasan Pelbagai Dalam Pembentukan Profil Remaja Malaysian Journal of Learning and Instruction: Vol. 8 (2011): 183-204
- [24] Wahyudi. 2016. Kajian Kecerdasan Vokasional Dari Persepsi Murid Sekolah Menengah
- [25] Teknik: Satu Kajian Kes Di Negeri Perak Tesis Dikemukakan Bagi Memenuhi Syarat Untuk Memperoleh Ijazah Sarjana Sains (Pendidikan Teknikal Dan Vokasional) Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- [26] Yi-an, H.2010. Multiple Intelligences and Foreign Language Learning- A Case Study in
- [27] Taiwan. WHAMPOA- An Interdisciplinary Journal, 1.